



MAKLUM BALAS MEDIA

Wartawan	<i>Arif</i>
Media	<i>Kosmo</i>

PELEKAT LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) TIDAK BERKUALITI

Berhubung dengan kualiti Disk Lesen Kenderaan Motor (LKM), kes yang berlaku adalah merupakan kes yang terencil. Namun begitu, sekiranya masalah kualiti LKM seperti pudar atau kabur, pemilik berdaftar boleh ke Pejabat JPJ yang berhampiran untuk mendapatkan gantian yang baharu dengan membawa dokumen pengenalan diri, LKM yang asal serta borang JPJK7 yang telah lengkap diisi.

JPJ sentiasa melaksanakan transformasi terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Berhubung dengan isu ini, pihak Jabatan sedang menjalankan kajian penambahbaikan mutu cetakan Disk LKM agar masalah ini tidak berlaku lagi.